

KELAB MEMANAH PD (PDAC)

NO 250 JALAN 11/18 SPRINGHILL HEIGHTS
71010 LUKUT
NEGERI SEMBILAN
DARUL KHUSUS
Email : kejohananmemanahpdac@gmail.com



Rujukan kami : PDAC-100/1/JAN (1)
Tarikh : 5 JAN 2019

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan


**Jemputan ke Kejohanan Memanah Terbuka dan Jemputan Antarabangsa
SMK. Kampung Baru Si Rusa 2019**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kelab Memanah PD dengan kerjasama SMK Kampung Baru Si Rusa akan menganjurkan Kejohanan Memanah Terbuka dan Jemputan Antarabangsa SMK Kampung Baru Si Rusa bawah 10 & 12 tahun pada 22 hingga 24 feb 2019, bertempat di Padang Sasar Memanah SMK Kampung Baru Si Rusa, Batu 4, Port Dickson, Negeri Sembilan.
3. Sehubungan ini, kami ingin menjemput pihak tuan/puan untuk mengambil bahagian di kejohanan ini. Bersama sama ini disertakan lampiran jadual pertandingan dan borang untuk makluman tuan/puan. Untuk keterangan lanjut, tuan/puan boleh menghubungi En Ali Bin Mohamed di telefon nombor 011-1121 6341.
4. Semoga dengan kehadiran pasukan tuan/puan dalam Pertandingan ini akan memeriahkan lagi kejohanan kami.

Sekian. Terima Kasih.

Yang Menjalankan Amanah,



(Hj. SAHAK BIN AHMADUN)

Pengerusi

Kelab Memanah PD (PDAC)

Pengetua, SMK Kampung Baru Si Rusa



**KEJOHANAN MEMANAH TERBUKA DAN
JEMPUTAN ANTARABANGSA BAWAH 12
SMK KAMPUNG BARU SI RUSA, PORT DICKSON**

BERTEMPAT DI

**LAPANG SASAR MEMANAH
SMK KAMPUNG BARU SI RUSA
NEGERI SEMBILAN**

TARIKH

**22-24 FEBRUARI 2019
(JUMAAT - AHAD)**

ANJURAN BERSAMA



**KELAB MEMANAH SMK
SMK KAMPUNG BARU
SI RUSA**

**PD ARCHERY
CLUB**

**PERATURAN PERTANDINGAN
KEJOHANAN MEMANAH TERBUKA DAN JEMPUTAN ANTARABANGSA
SMK KAMPUNG BARU SI RUSA, PORT DICKSON**

1. PERATURAN AM

- 1.1. Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan akan diputuskan seperti berikut :
- 1.1.1. Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada **PERATURAN PERTANDINGAN KEJOHANAN MEMANAH TERBUKA DAN JEMPUTAN ANTARABANGSA SMK KAMPUNG BARU SI RUSA, PORT DICKSON** dan/atau Keputusan Bersama Mesyuarat Pengurus-pengurus Pasukan.
- 1.1.2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada **Undang-undang World Archery (WA) dan Peraturan AM MSSM.**
- 1.2. Sebarang keputusan dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan **KEJOHANAN MEMANAH TERBUKA DAN JEMPUTAN ANTARABANGSA SMK KAMPUNG BARU SI RUSA, PORT DICKSON**, adalah muktamad.

2. TARIKH PERTANDINGAN

BIL	KATEGORI	TARIKH
2.1.	Asas Mula Bawah 10 tahun (BEGINNERS)	- 22,23 dan 24 Februari 2019
2.2.	Asas Mula Bawah 12 tahun (BEGINNERS)	- 22,23 dan 24 Februari 2019
2.3	Bawah 12 tahun	- 22,23 dan 24 Februari 2019

(Nota : Tarikh di atas adalah tertakluk kepada perubahan).

3. TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1. Pertandingan akan dijalankan di **LAPANG SASAR MEMANAH SMK KAMPUNG BARU SI RUSA, PORT DICKSON. NEGERI SEMBILAN.**

4. KATEGORI UMUR (5 Kategori sahaja dipertandingkan)

BIL	KATEGORI	PENERANGAN
2.1.	Asas Mula Bawah 10 tahun (TERBUKA) (BEGINNERS)	Semua pemanah yang berumur 10 tahun dan ke bawah (Tahun Lahir 2009 dan selepasnya)
2.2.	Asas Mula Bawah 12 tahun (LELAKI DAN PEREMPUAN) (BEGINNERS)	Semua pemanah yang berumur 12 tahun dan ke bawah (Tahun lahir 2007 dan selepasnya)
2.3	Bawah 12 Tahun (LELAKI DAN PEREMPUAN)	Semua pemanah yang berumur 12 tahun dan ke bawah (Tahun lahir 2007 dan selepasnya)

5. YURAN PENYERTAAN

5.1 Yuran Penyertaan Peserta Dalam Negara

BIL	KATEGORI	YURAN
1.	ASAS MULA BAWAH 10 TAHUN (TERBUKA)	RM50
2.	ASAS MULA BAWAH 12 TAHUN	RM80
3.	BAWAH 12 TAHUN	RM80
4.	JURULATIH DAN PENGURUS (sijil diberikan beserta tag)	RM20

5.2 Yuran Peserta Jemputan Antarabangsa

BIL	KATEGORI	YURAN
1.	ASAS MULA BAWAH 10 TAHUN (TERBUKA)	RM80
2.	ASAS MULA BAWAH 12 TAHUN	RM100
3.	BAWAH 12 TAHUN	RM100
4.	JURULATIH DAN PENGURUS (sijil diberikan beserta tag)	RM30

5.3 Pendaftaran dan borang pasukan dibuat secara online melalui pautan kejohananmemanahpdac@gmail.com. Yuran penyertaan juga hendaklah di **BANK-IN** kan ke **BANK MUAMALAT** atas nama **KELAB MEMANAH PD** dengan no akaun **0502-0000164-71-8** sebelum **17 FEBRUARI 2019**.

5.4 Semua pasukan hendaklah mengemukakan Borang Pendaftaran Pasukan dan salinan kad pengenalan kepada pihak Jawatankuasa Pengelola semasa hari pendaftaran.

5.5 Bayaran yuran penyertaan tidak akan dipulangkan semula selepas pendaftaran

6. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1. Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan pada **22 FEBRUARI 2019**. rujuk **jadual terkini kejohanan di @ mziblogspot**
- 6.2. Pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan Borang Pendaftaran Pasukan bersama salinan Kad Pengenalan atau salinan dokumen berkaitan untuk pengesahan. Hanya pertukaran nama atlet sahaja yang dibenarkan dan penambahan kepada bilangan atlet yang telah didaftarkan adalah tidak dibenarkan.
- 6.3. Senarai atlet yang disahkan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7. ACARA/KATEGORI

- 7.1. Acara yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI	PUSINGAN	JARAK
1.	ASAS MULA BAWAH 10 TAHUN (terbuka) ● Tiada perbezaan gender	PUSINGAN KLASIFIKASI DOUBLE 15M, PUSINGAN KALAH SINGKIR (OR) 1/8	15m
2.	ASAS MULA BAWAH 12 TAHUN (LELAKI DAN PEREMPUAN)	PUSINGAN KLASIFIKASI DOUBLE 15M, PUSINGAN KALAH SINGKIR (OR) 1/8 DAN ACARA BERPASUKAN 1/4	15m
3.	BAWAH 12 TAHUN (LELAKI DAN PEREMPUAN)	PUSINGAN KLASIFIKASI DOUBLE 30M, PUSINGAN KALAH SINGKIR (OR) 1/8 DAN ACARA BERPASUKAN 1/4	30m

- 7.2. Untuk Pusingan Klasifikasi, setiap pemanah dikehendaki memanah jarak yang dipertandingkan sebanyak tujuh puluh dua (72) anak panah.
- 7.3. Atlet lelaki dan wanita yang mendapat kedudukan 16 dan ke atas setiap kategori, akan layak ke pusingan kalah singkir (OR).
- 7.4. Pasukan yang mendapat kedudukan 8 dan ke atas bagi setiap kategori akan layak ke Acara Berpasukan. (**Kategori asas Mula 12 tahun dan Bawah 12 tahun sahaja**)

8. PERALATAN PERTANDINGAN

8.1. Peralatan yang dibenarkan bagi Kategori bawah 12 Tahun adalah seperti berikut:

B I L	KATEGORI	SPESIFIKASI BUSUR	SPESIFIKASI ANAK PANAH / Target Face
1	ASAS MULA BAWAH 10 TAHUN (terbuka)	Baby Bow, trad dibenarkan, tanpa sight dibenarkan. Limb carbon tidak dibenarkan.	Semua jenis arrow dibenarkan kecuali jenis carbon. Hanya point parabolic sahaja dibenarkan. 122 cm target face digunakan
2	ASAS MULA BAWAH 12 TAHUN (LELAKI DAN PEREMPUAN)	Baby Bow, trad dibenarkan, tanpa sight dibenarkan. Limb carbon tidak dibenarkan.	Semua jenis arrow dibenarkan kecuali jenis carbon. Hanya point parabolic sahaja dibenarkan. 122 cm target face digunakan
3	BAWAH 12 TAHUN (LELAKI DAN PEREMPUAN)	Baby Bow dan Limb carbon sahaja tidak dibenarkan.	Semua jenis arrow dibenarkan kecuali jenis carbon. Hanya point parabolic sahaja dibenarkan. 122 cm target face digunakan

9. LATIHAN RASMI DAN PEMERIKSAAN ALATAN

- 9.1. Pemeriksaan peralatan akan dijalankan semasa sesi latihan. Setiap pasukan dikehendaki melaporkan diri kepada Ketua Hakim (Chief Judge) kejohanan untuk pemeriksaan peralatan pertandingan (Tackle Inspection) pada hari latihan. Sebarang inkuiri boleh **wassup Cikgu Ali (011 11 216341)**
- 9.2. Setiap pemanah mesti memakai " Nombor badan " @ 'Archer's Number' sepanjang pertandingan berlangsung.

10. PEGAWAI TEKNIKAL

- 10.1. Pihak Jawatankuasa Pengelola Pertandingan akan melantik Ketua Delegat Teknikal, Pegawai-pegawai Teknikal, Pengadil dan Hakim setelah berunding dan mendapat persetujuan daripada PD ARCHERY CLUB (PDAC) dan Kelab Memanah SMKKBSR.
- 10.2. Pengadil-pengadil hendaklah menghadiri taklimat sebelum sesuatu pertandingan bermula.

11. BANTAHAN

- 11.1. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus sahaja.)
- 11.2. Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 11.3. Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Ketua Delegat Teknikal (TD) dalam masa lima belas (15) minit selepas keputusan diumumkan.

12. JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

- 12.1. Perlantikan Jawatankuasa Tatatertib dan prosedur aturcara mesyuarat adalah seperti yang digunakan oleh Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia yang terdiri:
 - 12.1.1. Pengerusi J/kuasa Pengelola atau wakil
 - 12.1.2. Pengarah Pertandingan /wakil
 - 12.1.3. Delegat Teknikal/ wakil
- 12.2. Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.
- 12.3. Segala keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib adalah muktamad.

13. GANTI RUGI

- 13.1. Kelab Memanah PD (PDAC) dan Kelab Memanah SMK Kampung Baru Si Rusa SERTA Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa Kejohanan ini berlangsung termasuk perjalanan dari rumah/tempat pertandingan/rumah.

Semoga perjalanan program dipermudahkan..aamiin

14. HADIAH-HADIAH

14.1. Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut :

BIL	KATEGORI	ACARA	PINGAT				
			EMAS	PERAK	GANGSA	KE-4	KE-5-25
1.	RECURVE ASAS MULA BAWAH 10 TAHUN (1 kategori sahaja)	QUALIFICATION ROUND	1	1	1	1	21
		ELIMINATION ROUND	1	1	1	1	-
		ELIMINATION TEAM	-	-	-	-	-
2.	RECURVE ASAS MULA BAWAH 12 TAHUN (LELAKI DAN PEREMPUAN)	QUALIFICATION ROUND	1	1	1	1	-
		ELIMINATION ROUND	1	1	1	1	-
		ELIMINATION TEAM	4	4	4	4	-
3.	RECURVE BAWAH TAHUN 12 (LELAKI DAN PEREMPUAN)	QUALIFICATION ROUND	1	1	1	1	-
		ELIMINATION ROUND	1	1	1	1	-
		ELIMINATION TEAM	4	4	4	4	-

14.2 HADIAH IRINGAN DAN WANG TUNAI. (PUSINGAN KALAH SINGKIR SAHAJA)

BIL	KATEGORI	HADIAH		
		JOHAN	NAIB JOHAN	KETIGA
1.	ASAS MULA BAWAH 10 TAHUN (BEGINNERS)	MEDAL BESERTA HADIAH IRINGAN	MEDAL BESERTA HADIAH IRINGAN	MEDAL BESERTA HADIAH IRINGAN
2.	ASAS MULA BAWAH 12 TAHUN (BEGINNER)	MEDAL BESERTA RM 100	MEDAL BESERTA RM 80	MEDAL BESERTA RM 50
3.	BAWAH 12 TAHUN	MEDAL BESERTA RM 100	MEDAL BESERTA RM 80	MEDAL BESERTA RM 50

14.2 PIALA KEJUARAAN KESELURUHAN PASUKAN TERBAIK AKAN DISEDIAKAN

15. HAK JAWATANKUASA PENGANJUR

- 15.1 Hanya pemanah, jurulatih dan pengurus yang mempunyai tag pengenalan sahaja dibenarkan berada di lapangasar semasa pertandingan dijalankan.

Jawatankuasa Penganjur adalah berhak untuk meminda/menambah peraturan-peraturan yang difikirkan perlu. Sebarang keputusan adalah muktamad.



**BORANG PENDAFTARAN
KEJOHANAN MEMANAH
TERBUKA DAN JEMPUTAN ANTARABANGSA
SMK KAMPUNG BARU SI RUSA, PORT DICKSON
22 HINGGA 24 FEB 2019**



NAMA PASUKAN	
NAMA SINGKATAN PASUKAN	

PEGAWAI			
JAWATAN		NAMA	NO H/P
PENGURUS	1.		
JURULATIH	1.		
	2.		

ATLET			
	NAMA	NO K/P	KATEGORI*
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			
9.			
10.			
11.			
12.			

B10 : Beginner 10,

BB12 : Beginner Boy 12,

RCB12 : Recurve Cadet Boy 12,

BG12 : Beginner Girl 12,

RCG12 : Recurve Cadet Girl 12

Pendaftaran dan borang pasukan dibuat secara online melalui pautan kejohanmemanahpdac@gmail.com. Yuran penyertaan juga hendaklah di **BANK-IN** kan ke **BANK MUAMALAT** atas nama

KELAB MEMANAH PD dengan no akaun **0502-0000164-71-8** , sebelum **17 FEBRUARI 2019**. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi atau Whatsapp **EN ALI MOHAMED** di No **011-1121 6341**